



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 OKTOBER 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- Angkut 10 tan sampah
- Flat 'pasar' Myanmar

03
10-11



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 OKTOBER 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Angkut 10 tan sampah
Muka Surat	03



09-10-2017

setempat **3**



Angkut 10 tan sampah



TOLONG MAK CIK KEMAS RUMAH!

LAPORAN Harian Metro
30 September lalu.



KEADAAN rumah Zaidah
ketika proses pembersihan
dijalankan.

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

■ Pelbagai pihak gotong-royong selama sembilan jam bersih rumah warga emas

Ampang

S ebanyak 10 tan sampah yang 'terperap' di rumah dua tingkat didiami warga emas, Zaidah Mansur, 67, sejak tujuh tahun lalu dikeluarkan pelbagai pihak dalam tempoh lebih sembilan jam, semalam.

Kerja murni dilaksanakan itu hasil bantuan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), sukarelawan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Muslimat PAS Cawangan Flat Taman Kosas serta penduduk setempat.

Bermula jam 8.30 pagi, Zaidah sebelum itu enggan membuka pintu rumahnya dan membenarkan sukarelawan masuk namun selepas dipujuk dia bersetuju rumahnya dikemas.

Antara barangan dikeluarkan daripada rumahnya termasuk perabot, pakaian lama, kerusi, plastik, peralatan yang rosak dibawa menggunakan lori MPAJ dan syarikat, Fateh Construction & Services Sdn Bhd.

Selain sukarelawan, gotong-royong berkenaan turut disertai Ketua Aktivis PPIM Datuk Nadzim Johan, Ketua

Seksyen Pembangunan Kendiri dan Akademik, UPM, Rafidah Sadarudin dan sukarelawan tempatan.

Ketika rumahnya dibersihkan, Zaidah juga menerima kejutan daripada rakan-rakannya dari Universiti Teknologi MARA yang sama-sama menuntut pada 1978.

Gotong-royong itu diakhiri dengan bacaan doa selamat dan rawatan Islam yang diketuai Perunding Perubatan Islam, Tuan Asmawi Tuan Umar.

Akhbar ini minggu lalu mendedahkan Zaidah hidup dalam tumpukan sampah yang kali terakhir dikemas tujuh tahun lalu ekoran keadaan kesihatan tidak mengizinkan.

Berkongsi ceritanya dengan sekretariat PPIM, dia berterima kasih mana-mana pihak yang sudi mengemaskan rumah dan mengubati sakit dialaminya sejak sekian lama.

"Saya ucap terima kasih kepada semua yang membantu. Insya-Allah selepas ini mudah-mudahan saya kembali sihat," katanya.

Sementara itu Nadzim berkata, pihaknya bersyukur dapat membantu Zaidah dengan bantuan 'beberapa pihak lain yang memberikan kerjasama begitu baik.

Katanya, ia menjadi kes contoh kepada masyarakat di negara ini untuk mengambil tahu apa yang berlaku di sekeliling dan tidak hanya mementingkan diri sendiri.

"Alhamdulillah, kami dapat membantu sedaya yang mungkin. PPIM tidak bersendirian kerana ramai yang memberikan bantuan. Selepas ini kita akan tengok apa tindakan seterusnya," katanya.

Ini kes contoh untuk mengambil tahu apa yang berlaku di sekeliling

Nadzim

NADZIM (kiri) bersama sukarelawan yang membersihkan rumah Zaidah.

Gembira ramai rakan membantu

Ampang "Ingatan dia masih baik. Dia kenal rakan yang datang hari ini (semalam). Kami gembira kerana ramai yang membantu," kata Rosniza Mohamad Rasol.

Dia bersama dua lagi rakan yang sama-sama menuntut di Universiti Teknologi MARA pada 1978 sehingga 1981 tidak menyangka dapat bersua kembali dengan Zaidah Mansur di rumahnya, semalam.

Katanya, dia mengetahui nasib menimpa Zaidah selepas membaca akhbar ini serta menonton televisyen minggu lalu terpagil untuk menyertai gotong-royong membersihkan rumah rakannya.

"Sebenarnya kami sudah lama tidak jumpa, saya sendiri tidak ingat bila kali terakhir kami bertemu. Sangat saya, dia bertugas di Jabatan Penerangan di Angkasapuri sebelum bersara beberapa tahun lalu.

"Dari segi umur, dia lebih tua, tetapi kami belajar bersama di Fakulti Sebaran Am (kini Komunikasi dan Pengajian Media) dan dia seorang yang pandai.

"Apabila kisahnya didedahkan Harian Metro dan TV3, saya terkejut. Jadi kami datang untuk mengetahui keadaannya dan alhamdulillah dia nampak baik dan menyambut kami dengan mesra," katanya ketika ditemui.



ROSNIZA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 OKTOBER 2017 (ISNIN)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Flat 'pasar' Myanmar
Muka Surat	10-11

HARIAN METRO

SEBAHAGIAN warga Myanmar yang berhijrah di kaki lima di kawasan perumahan pangsa di kaki zonasi Taman Pandan Mewah, Ampang.

HARIAN METRO

09-10-2017 **setempat 11**

Flat 'pasar' Myanmar

Ampang Lambakan warga asing terutama dari Myanmar yang menguni flat Taman Pandan Mewah sangat membimbangkan, malah, timbul rasa malu mereka turut menalakan perniagaan secara terbuka seperti perniagaan kedai runcit, gerai makan dan barangan rumah.

Kedua itu membolehkan kawasan flat tidak ubah seperti sebuah pasar di Myanmar walaupun pelbagai operasi dilakukan dan selain warga Myanmar, turut memonopoli perniagaan serta bekerja di situ adalah warga Bangladesh, Pakistan, Vietnam dan Indonesia. Paling menjijikkan, kunggulan saupati yang ditinggalan mereka selepas menalakan perniagaan haram di sekitar flat 12 blok itu menjadikan kawasan ini antara tempat panas kes demam denggi.

Tunt menalakan perniagaan secara bebas seperti menjual sirih, mengutip besi burok, sehingga ada yang memetak ayam di kaki lima kedai adalah pelarian etnik Rohingya.

Pengurus Persatuan Penduduk Taman Pandan Mewah, Shahrudin Ismail, 56, berkata, kebanyakan warga asing yang berniaga di kawasan itu menjejaskan pendapatan peniaga tempatan dan mewujudkan masalah sosial.

"Sudahlah menjalankan perniagaan sehari tanpa ada lesen yang sah, selepas itu buang sampah merata-rata. Tidak mustahil, kes demam denggi kawasan ini semakin meningkat."

"Ketika hujung minggu pula terdapat warga asing yang mabuk dan mula mengganggu ketenteraman penduduk setempat, selain ada kedai judi di sekitar Duti," katanya ketika ditemui selepas tinjauan masalah penduduk oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Menurut Shahrudin, kebajikan warga asing di kawasan itu disebabkan terdapat pemilik kediaman yang menyewakan rumah mereka sehingga RM1,100 sebulan kepada warga asing berbanding sewa bulanan sebanyak RM470 kepada rakyat tempatan.

"Sebab itu, ramai pelarian Rohingya di sini dan ada yang bergongsi rumah sehingga tiga keluarga. Seakar ini, tindakan yang diambil pihak berkuasa bagi menangani masalah warga asing yang memonopoli perniagaan masih tidak cukup. Saya berharap tindakan lebih tegas diambil bagi menangani isu ini," katanya.

Sementara itu, Iskandar berkata, tinjauan yang dilakukan adalah hasil aduan penduduk setempat yang memaklumkan ada warga asing terutama Myanmar yang memiliki perniagaan.

"Hasil tinjauan mendapati mereka menjalankan perniagaan di sekitar kawasan parkir dan ada yang menggunakan van rosak serta tidak boleh bergerak sebagai tempat penyimpanan barang kitar semula."

"Kedua ini membolehkan persekitaran kotor dan sampah yang ditonggokkan menjadi tempat takungan air sehingga pembalakan nyamuk semakin menjadi-jadi selain itu. Tindakan perlu diambil segera kerana ada fuga warga asing menggunakan lesen perniagaan penduduk tempatan."

"Saya difahamkan lebih kurang 1,000 pemegang kad Pendaftaran Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenal Pelarian (UNHCR) tinggal di kawasan ini dan sasaran perlu dilakukan sama ada mereka masuk secara sah atau tidak," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi Imigresen Selangor Ramli Othman berkata, sebagai pemegang kad UNHCR, pelarian Rohingya tidak dibenar menjalankan urusan perniagaan.